

Tidak jujur punca Pas disingkir daripada BN

UM 8 JUL 2001

KUALA LUMPUR 7 Julai — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan punca utama Pas disingkir daripada Barisan Nasional (BN) pada tahun 1970-an adalah kerana tingkah laku tidak jujur Pas yang menggunakan BN untuk memperkukuhkan parti itu dan mengkhianati parti-parti komponen lain.

Pengerusi BN itu berkata, Pas tidak menunjukkan minat bekerjasama dengan parti-parti komponen yang lain untuk membangunkan negara selepas rusuhan kaum pada 1969.

Sebaliknya, kata beliau, Pas menggunakan peluang itu untuk menghasut ramai orang Melayu terutama ahli-ahli UMNO dari kawasan Felda supaya menyertai parti itu dan menolak UMNO.

Tegasnya, BN menerima kemasukan parti lawan seperti Gerakan. Parti Promesif Rakyat (PPP) dan Pas untuk bekerjasama dalam pilihan raya 1974 dan hasilnya kerajaan dapat menumpukan kepada usaha membangunkan negara kerana dapat mengurangkan kerenah politik.

“Bagaimanapun, selepas beberapa tahun kita terpaksa keluarkan Pas kerana tidak jujur sama sekali. Mereka sertai BN dengan tujuan menipu BN...mereka menggunakan kedudukan mereka dalam kerajaan dan dalam BN semata-mata untuk menguatkan parti mereka,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam ucapan utamanya di Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Konvensyen sehari itu dihadiri oleh 3,400 ahli komponen BN dari seluruh negara itu diadakan untuk memperkukuhkan BN yang menjadi tonggak parti pemerintahan negara sejak 43 tahun lalu.

Menurut beliau, walaupun adakalanya BN kalah di beberapa negeri seperti di Kelantan, Sabah dan Terengganu tetapi di peringkat kebangsaan gabungan itu masih terus mencipta kejayaan.